

Alam Wanita

Hak dan Kewajiban Suami Isteri di dalam Islam

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang “digantung tidak bertali”, masalah beristeri lebih dari satu atau “poligami”, dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya “*Bayt al-tā’at wa ta’addud al-zawjāt, wa al-talāq fī al-Islām*”. Huraian yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Pendahuluan

Dalam pendahulunya, penyusun buku ini, Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, menulis:

Pada zaman kita ini, banyaklah diperkatakan orang tentang soal rumah tangga, soal beristeri lebih dari satu, dan soal talak. Soal-soal ini mendapat perhatian yang besar dari penyelidik-penyelidik, pihak pemerintah dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Banyak pula penulis-penulis yang telah tergelincir ketika mereka menggambarannya dan menerangkan sikap Islam terhadapnya, dan ketika mereka memajukan cadangan-cadangan untuk memperbaikinya atau menukarkannya dengan peraturan-peraturan yang lain.

Oleh sebab itu, kita memandang, ada baiknya tiga-tiga masalah yang tersebut dikupas dalam sebuah buku yang tersendiri, yang di dalamnya akan diterangkan secara ringkas tentang kedudukannya yang sebenar menurut hukum

Islam, dan membandingkannya dengan peraturan yang lain yang hendak diciptakan atau yang hendak dibawa masuk dari luar, dan juga membahas akan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan yang utama yang telah dikemukakan dalam hal itu. Dengan cara yang demikian kita akan dapat melihat jalan yang lurus yang seyogianya dilalui oleh orang-orang perseorangan, dan dilalui oleh badan-badan perundangan dan kehakiman yang akan menjalankannya.

Tiap-tiap satu dari ketiga-tiga masalah ini akan dihuraikan dalam satu bab yang tersendiri, dan pada penutupnya kita akan jelaskan sikap Islam terhadap perempuan pada umumnya. *Wa billāhi al-tawfiq.*

* * *

Di Rumah Tangga Suami Isteri

Tiap-tiap Hak itu Lawannya: Kewajiban

Tiap-tiap seorang dari suami isteri adalah terikat dengan yang lain dengan beberapa hak dan kewajipan

yang berbalas. Tiap-tiap hak bagi seseorang dari suami isteri itu atas pasangannya yang seorang lagi, sudah tentu ada pula kewajipan yang mesti ditunaikan kepadanya hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang berbalas itu sudah tentu akan menimbulkan kesan yang baik iaitu menciptakan keseimbangan di antara suami isteri dari segi masyarakat dan cara hidup yang bertamadun, dan meneguhkan kedudukan keluarga serta menjadikan segala urusannya berjalan menurut hakikatnya yang sebenarnya.

Di antara kewajipan-kewajipan yang utama yang ditanggung oleh seorang suami ialah kewajipan memberi nafkah kepada

anak isterinya. Balasan kewajipan yang tersebut ialah beberapa hak baginya atas isterinya, atau beberapa kewajipan yang ditanggung oleh isterinya terhadapnya. Di antara kewajipan-kewajipan itu hendaklah si isteri tinggal di mana si suami kehendaki. Si isteri tidak boleh tinggal di rumah yang bukan rumah suaminya.

Perkara yang sedemikian ini bukan sahaja terhadap kepada syariat Islam, tetapi ada didapati dalam kebanyakan undang-undang umat-umat yang bertamadun. Misalnya undang-undang awam (sivil) Perancis – menetapkan di dalam fasal yang kedua ratus tiga belas dan empat belas: “Bahawa seseorang



Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Kuala Lumpur, telah selamat ditubuhkan baharu-baharu ini. Gambar menunjukkan

Tengku Ampuan Besar Kurshiah sedang berucap dalam majlis persidangan Lembaga itu, yang telah dihadiri

oleh perempuan-perempuan Islam termasuk beberapa orang isteri kepada menteri-menteri kerajaan.

suami wajib atasnya memelihara isterinya dan memberikan kepadanya segala keperluan hidup sekadar yang terdaya ia mengadakannya, dan bahawa si isteri, bagi membalasnya wajib atasnya taat kepada suaminya dan hendaklah ia tinggal bersama-sama suaminya di rumah yang disediakan oleh suaminya, dan berpindah bersama-sama dengannya ke sebarang tempat yang dipandang elok olehnya (si suami) untuk menjadi tempat tinggal mereka bersama.

Dua fasal yang tersebut di dalam undang-undang Perancis ini hampir-hampir menjadi terjemahan bagi firman Allah di dalam *al-Qur'ān al-Karīm* (34, sūrah al-Nisā')

“Al-rijālu qawwāmūna ‘alā al-nisā’i bimā faḍḍala Allāhu ba‘dahum ‘alā ba‘ḍin wa bimā anfaqu min amwālihim.”

Ertinya: “Lelaki-lelaki itu berkuasa atas perempuan-perempuan kerana Allah telah lebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain (jenis perempuan) dan dengan sebab nafkah yang mereka belanjakan dari harta-harta mereka”.

Dan hampir-hampir menjadi terjemahan bagi firman-Nya di dalam sūrah al-Ṭalāq, āyat 6 dan 7:

“Askinūhunna min haithu sakantum min wujdikum”,
“Li yunfiq dhū sa‘atin min sa‘atihī wa man qudira ‘alayhi rizquhu falyunfiq bimā’ atāhu Allāh; lā yukallifu Allāhu nafsan illā mā atāhā.”

Ertinya: “Tempatkanlah mereka di tempat tinggal kamu, menurut kesanggupan kamu”, “Hendaklah orang yang berkemampuan memberi nafkah menurut kemampuannya, dan barangsiapa sempit rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah daripada apa yang diberikan oleh Allah kepadanya; Allah tiada memberatkan seseorang melainkan menurut apa yang Ia telah berikan kepadanya.”

Di sini kita bukan bermaksud hendak menghuraikan mengenai kewajipan-kewajipan secara akhlak

dan peradaban seperti kewajipan berlaku benar pada tutur kata, menjauhkan diri dari perbuatan umpat keji dan sebagainya, dari kewajipan yang dapat seseorang itu menjauhkannya dengan tidak payah menaruh perasaan takut terhadap sebarang tekanan atau campur tangan dari pihak pemerintah. Tetapi kita di sini sedang menghuraikan kewajipan-kewajipan yang diperlindungi oleh undang-undang, dan diawasi oleh pihak pemerintah untuk dilaksanakan, bagi memelihara ketenteraman keluarga dan perjalanan hidupnya sebagaimana yang semestinya, dan kerana itu pihak pemerintah akan menghukum sesiapa sahaja yang melanggar dan cuai menjalankan kewajipan tersebut, dan memaksanya untuk melaksanakannya, bahkan kadang-kadang menjatuhkan hukuman atasnya kerana perbuatannya mengelak daripada menunaikan perkara-perkara yang telah diwajibkan atasnya.

Kalau seorang suami tidak memberi nafkah kepada isterinya maka undang-undang akan memaksanya untuk membayarnya, dan akan menjalankan terhadapnya segala cara yang dapat dijalankan dari cara-cara paksaan. Bahkan kadang-kadang akan dijatuhkan hukuman atasnya dengan penjara dan kerja berat.

Kalau pula si isteri nusyuz (ingkar), yakni tidak mahu tinggal di rumah tempat tinggal suaminya, maka undang-undang itu akan digunakan juga terhadapnya. Untuk memaksanya supaya ia tunduk menurut peraturan yang telah ditentukan itu.

Telah menjadi lazim menamakan rumah yang dipaksakan isteri yang nusyuz tinggal di dalamnya dengan nama “*bayt al-ṭā‘ah*” (rumah suami yang wajib ditaati) dan menamakan hukum itu “*ḥukm al-ṭā‘ah*” (hukum

¹ Perkataan yang sebenarnya adalah مما = *mimmā*

yang wajib ditaati). Nama ini memang berat kesannya pada pendengaran, dan amat eloknya kalau dinamakan “*ḥukm al-muāba‘āh*” (hukum yang patut diturut).

Kedudukan perkara ini menurut hal keadaannya yang disebutkan itu nyatalah betulnya dan berseimbangan: Ada hak, ada pula kewajipan yang menjadi lawannya. Selain daripada itu ia juga mempunyai celah masuk dari segi undang-undang apabila salah seorang dari kedua pihak (suami dan isteri) tidak menunaikan kewajibannya setelah mendapat hak-hak yang dituntutnya, sebagaimana yang tersebut di dalam al-Qur’ān:

Wa lahunna mithlu alladhī ‘alayhinn.

Ertinya: “Dan bagi mereka (perempuan-perempuan) hak-hak sebanding dengan kewajipan yang ditanggung mereka.”

Bahkan undang-undang kita mengandungi timbang rasa yang mulia dan layanan yang berdasarkan belas kasihan terhadap seseorang perempuan. Undang-undang itu tidak menjatuhkan sebarang hukuman (yang berupa denda wang atau penjara) atas perempuan yang nusyuz sebagaimana yang kadang-kadang dijatuhkan atas suami yang tidak membayar nafkah isterinya. Dalam hal yang seperti ini, undang-undang hanya menetapkan supaya isteri yang nusyuz itu kembali ke rumah suaminya, bahkan undang-undang itu tidak menetapkan supaya dia kembali ke rumah suaminya itu melainkan setelah pihak mahkamah memeriksa keadaan rumah itu, dan mendapat tahu dengan sah bahawa rumah itu sebuah tempat tinggal yang tersendiri, cukup segala yang diperlukannya, tersedia di dalamnya kemudahan-kemudahan yang menyenangkan, dan bersesuaian pula dengan kedudukan si isteri dalam masyarakat dan keadaan kemampuan si suami.

Bantahan Terhadap Peraturan Ini

dan Jawapan Kita

Dalam pada itu ada pula segolongan daripada orang-orang yang cenderung membahaskan peraturan ini, pada zaman kita ini, tidak putus-putus mengulang-ulangkan bahawa peraturan memaksa seorang isteri supaya kembali ke rumah suaminya adalah membinasakan kemanusiaannya, menyentuh kehormatannya, mengecilkan kedudukannya, menghilangkan keperibadiannya, dan menjadi paksaan kepadanya atas perkara-perkara yang tidak dikehendakinya.

Padahal mereka tidak sedar, bahawa undang-undang ini tidak dijalankan melainkan hanya kepada isteri yang nusyuz, yakni isteri yang telah melanggar had-had yang ditentukan oleh masyarakat, dan yang telah melanggar undang-undang keluarga. Sedang tujuan undang-undang itu bertindak ialah kerana mengembalikan perkara perkelaminan ke tempatnya yang sebenar, sementelah pula sesuatu perkara yang hendak dibetulkan setelah dirosakkan oleh orang-orang perseorangan menghendaki bertindak dengan tegas dan keras terhadap orang yang melanggarnya (si isteri yang nusyuz), dan² bertindak lebih keras pula terhadap suami apabila ia tidak membayar nafkah isterinya, kadang-kadang membawa ia dikenakan hukum penjara.

Jelasnya undang-undang ini tidak memihak kepada salah seorang dari suami isteri untuk menekan yang seorang lagi, tetapi mewajibkan tiap-tiap seseorang daripada keduanya menunaikan kewajibannya, dan menjaga maslahat am, serta bekerja untuk ketenteraman hidup keluarga, dan menyelamatkannya daripada keruntuhan.

– **Bersambung.**

² Teks asal tidak jelas. Kemungkinan dan berdasarkan konteks ayat.